



HANYA SATU
S I N G L E

THROUGH THE VEILS OF THREE FOLD

by Daisy Ooi

15 MAY
- 15 AUG
2025

NATIONAL
ART GALLERY
MALAYSIA



"*Through the Veils of Threefold*" ialah sebuah instalasi seni yang memberi tumpuan kepada keseimbangan dan hubungan antara tiga elemen penting dalam kehidupan manusia – pemikiran, perasaan dan tindakan. Karya ini diinspirasi daripada falsafah *anthroposophy* oleh Rudolf Steiner, yang menekankan kepentingan konsep "Tiga Elemen Utama" dalam kehidupan manusia dan masyarakat.

Dalam anthroposofi, Rudolf Steiner menekankan prinsip tiga elemen, yang diterapkan kepada pelbagai aspek kehidupan. Beliau percaya bahawa keharmonian sejati terhasil apabila tiga kuasa yang saling bergantung berada dalam keseimbangan dinamik. Corak ini muncul dalam seluruh falsafahnya, membentuk pandangannya terhadap masyarakat, insan, pendidikan, dan struktur dunia.

Antaranya ialah Tiga Elemen Sosial, yang membahagikan masyarakat kepada tiga bentuk yang berbeza tetapi saling bekerjasama. Kehidupan Budaya-Rohani, dipandu oleh prinsip kebebasan, merangkumi pendidikan, seni, sains, dan agama. Kehidupan Perundangan-Politik, mewakili prinsip kesaksamaan, menumpukan kepada undang-undang, hak asasi manusia, dan tadbir urus demokratik. Akhir sekali, Kehidupan Ekonomi, berasaskan prinsip persaudaraan atau kerjasama, melalui perdagangan, buruh, dan pengagihan sumber yang adil. Steiner percaya bahawa apabila ketiga-tiga elemen ini berfungsi secara bebas dan harmoni, masyarakat akan berkembang dengan cara yang benar-benar manusiawi.

Satu lagi konsep penting ialah Tiga Bahagian Insan, yang menurut Steiner terdiri daripada roh, jiwa, dan jasad. Roh dikaitkan dengan pemikiran, kreativiti, dan kesedaran tinggi. Jiwa menjadi tempat perasaan, bertindak sebagai pengantara antara pemikiran dan tindakan, serta membolehkan empati dan keseimbangan. Jasad pula berhubung dengan kehendak, tindakan fizikal, naluri, dan kehidupan praktikal. Perkembangan diri menuntut agar ketiga-tiga elemen ini dipupuk dan diseimbangkan.

Akhirnya, Steiner turut memperluaskan prinsip tiga bahagian ini kepada Struktur Dunia. Beliau mengenal pasti tiga alam yang saling berhubungan: alam semula jadi, yang mewakili bumi fizikal dan realiti material; dunia manusia, yang meliputi kehidupan sosial, budaya, dan interaksi; dan dunia metafizik, yang merupakan tempat spiritual dan makna kosmik. Manusia, dalam pandangan Steiner, berperanan sebagai perantara antara alam semula jadi dan roh, mampu menghubungkan secara sedar antara fizik dan metafizik. Di sebalik semua model Tiga Elemen ini, terdapat tema yang mengikat yang mencetuskan keseimbangan. Tiada satu pun kuasa, sama ada sosial, peribadi, atau kosmik mendominasi yang lain. Sebaliknya, semua berfungsi bersama-sama, dan masing-masing membawa sifat yang penting untuk mewujudkan keharmonian dan vitaliti dalam kehidupan.

Karya ini meneroka inti pati tiga elemen dalam pengalaman manusia dan hubungan dengan dunia, di mana pemikiran melambangkan logik dan struktur, perasaan mewakili emosi dan intuisi, manakala kehendak mencerminkan kuasa tindakan dan niat.

Melalui lapisan warna lut sinar yang pelbagai dan tekstur, saya berusaha mewujudkan dialog visual yang bergema dengan dunia dalaman penonton. Komposisi ini direka untuk membangkitkan renungan tentang keseimbangan halus yang kita usahakan antara rasional, empati, dan tekad. Dengan menganyam elemen-elemen ini bersama, karya ini menjadi cermin bagi penonton mempertimbangkan buah fikiran dalaman diri mereka dan keterhubungan sejagat antara pemikiran, perasaan, dan tujuan.

Karya ini bukan sahaja merupakan ungkapan visi artistik dari saya, tetapi juga satu jemputan kepada anda untuk menyelami hakikat kemanusiaan penonton sendiri serta menghargai keindahan dan kerumitan dalam menghubungkan tiga struktur dan elemen penting dalam kehidupan.

"Through the Veils of Threefold" is an immersive installation that embodies the harmony and interdependence of the threefold nature of life, inspired by Rudolf Steiner's anthroposophy.

In anthroposophy, Rudolf Steiner emphasized the principle of three oldnesses, applying it to various aspects of life. He believed that true harmony arises when three interdependent forces are in dynamic balance. This triadic pattern appears throughout his philosophy, shaping his views on society, the human being, education, and even the structure of the world.

One of the central applications of this principle is the Threefold Social Order, which divides society into three distinct yet cooperative spheres. The Cultural-Spiritual Life is guided by the principle of freedom and includes education, art, science, and religion. The Legal-Political Life embodies equality, focusing on law, human rights, and democratic governance. Finally, the Economic Life is rooted in fraternity or cooperation, dealing with trade, labor, and the fair distribution of resources. Steiner believed that when these three realms function independently but harmoniously, society can thrive in a truly human way.

Another key concept is the Threefold Human Being, which Steiner saw as composed of spirit, soul, and body. The spirit is associated with thinking, creativity, and higher consciousness. The soul is the seat of feeling, mediating between the extremes of thought and action, and enabling empathy and balance. The body relates to willing, physical actions, instincts, and practical life. Personal development requires that these three components be nurtured and harmonised.

Finally, Steiner extended the threefold principle to the Structure of the World itself. He identified three interconnected realms: the natural world, representing the physical earth and material reality; the human world, encompassing social life, culture, and interaction; and the spiritual world, the domain of divine forces and cosmic meaning. Human beings, in Steiner's view, serve as mediators between nature and spirit, capable of consciously linking the physical with the metaphysical. Across all these threefold models, the unifying theme is balance. None of the forces, whether social, personal, or cosmic, should dominate the others. Instead, they must work in concert, each bringing its own essential qualities to create harmony and vitality in life.

This artwork delves into the triadic essence of human experience and the relationship with the world, where thought symbolizes logic and structure, feeling embodies emotion and intuition, and represents the driving force of action and intention.

Through layers of multiple translucent colors, and texture, I aim to create a visual dialogue that resonates with the viewer's inner world. The composition is designed to provoke reflection on the delicate balance we strive for between rationality, empathy, and determination. By weaving together, it becomes a mirror for the viewer to consider their own internal dynamics and the universal interconnectedness of thought, emotion, and purpose.

This work is not only an expression of my artistic vision but also an invitation for you to engage deeply with your own humanity, embracing the beauty and complexity of what it means to connect the three important pillars of life.

Daisy Ooi

Through the Veils of Threefold

2025

Tulle fabric, wood pillar and lighting
Installation

Artis Artist

Daisy Ooi

Kru Crew

Tan Sheow Woon

Teh Chia Yee

Balai Seni Negara National Art Gallery

Penyelaras Coordinator

AdinaQuraisha Ibrahim

Mohamad Majidi Amir

Muhammad Asyraf Ramli

Urus Setia Pameran Exhibition Secretariat

Azman Md Salleh

Nia Sabjan Gulam Azhar

Norahan Jusoh

Mohd Khairul Ishak

Vikramahthitanwest Selvaraj

Teknikal, Ruang dan Pencahayaan Technical, Space and Lighting

Zulkarnain Abd Aziz

Mohd Firdaus Omar

Mohammad Firdaus Zainal Abidin

Ahmad Norhakim Abd Aziz

Muhammad Iqbbal Zakaria

Pendidikan dan Perkhidmatan Pelawat Education and Visitor Services

Siti Maisarah Bakar

Mohammad Shamsul Bahari Yusof

Muhammad Hafiz Osman

Muhammad Harridz Ridzwan

Norsharzeela Shaharuddin

Reka Bentuk Design

Shamizar Rahim

Najmuddin Mohd Salleh

Penerbitan dan Dokumentasi Publication and Documentation

Mohd Fairus Ismail

Osmihamidy Osman

Mohammad Aidid Azahari

Pengurusan Media dan Promosi Media and Promotion Management

Mohd Zuriyadi Sarpin

Intan Syazwina Suhaimi

Penyelarasan IT IT Coordination

Ts. Mohd Amir 'Izzuddin Mohd Adnan

BALAI SENI NEGARA

NATIONAL ART GALLERY

No. 2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak

53200 Kuala Lumpur

Tel: +603 4026 7000 Fax: +603 4025 4987

 Balai Seni Negara
 nationalartgallerymy
 BalaiSeniNegara
 National Art Gallery Malaysia
www.artgallery.gov.my

 nationalartgallerymy
 Balai Seni Negara MY
#balaiseninegara
#nationalartgallery
#NAGMalaysia

www.artgallery.gov.my

LPSVN Apps

